

## Season Four: The Second Jahiliyyah

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="188 527 418 569">EPISOD 46</p> <p data-bbox="188 636 456 678">Batu Bersurat</p> <p data-bbox="188 745 363 787">SUARA:</p> <p data-bbox="188 854 980 1883">SESUDAH KEMATIAN ISA A.S PIHAK ROM DAN BYZANTIN SERTA SASSANIA ATAU PERSIA CUBA MELUASKAN TAKLUK PEMERINTAN MEREKA ANTARANYA TANAH JAZIRAH ARAB TELAH MENJADI MEDAN MENUNJUKKN KEKUASAAN ANTARANYA PETRA, NABATEAN DAN PALMYRA SYRIA. OLEHA ITU TERDAPAT BEBERAPA PENGARUH ASING DALAM PENULISAN ABJAD- ABJAD ARAB. JUSTERU ITU SEJARAH TENTANG ASAL USUL TULISAN ARAB MASIH LAGI MENJADI TOPIK PERBINCANGAN HANGAT DI KALANGAN AHLI BAHASA, AHLI SEJARAH DAN ORIENTALIST WALAUPUN SUDAH</p>	

1437 TAHUN ISLAM SUDAH MENAPAK DI ATAS MUKA BUMI INI. JIKA DILIHAT TERDAPAT BEBERAPA KAJIAN YANG TELAH DIBUAT BAHAWA ABJAD ARAB (*ARABIC ALPHABET*) INI TELAH BERUBAH DARI SEABAD KE ABAD YANG LAIN. DIPERCAYAI BAHAWA TULISAN ARAB BERASAL DARI TULISAN NABATEAN YANG DI BERUBAH-UBAH SAMADA DARI ABJAD ARAMAIAH YANG BERASAL DARI ABJAD PHOENICIAN YANG MANA MENGHASILKAN REVOLUSI TERHADAP ABJAD HEBREW DAN ABJAD GREEK (YANG KEMUDIAN BERTUKAR MENJADI ABJAD ROMAN).

ABJAD ARAB PADA HAKIKATNYA TELAH BERKEMBANG DARI NABATEAN YANG SECARA TERUS DIAMBIL DARI SYRIA.

DIKENAL PASTI BAHAWA ABJAD-ABJAD ARAB INI BERASAL DARI ABJAD-ABJAD NABATEAN. TERDAPAT BEBERAPA CONTOH YANG MEMBUKTIKANNYA; PADA KURUN YANG KE ENAM DAN

LIMA SEBELUM MASEHI BAHASA SEMITIK UTARA TELAH BERKEMBANG DAN INI TELAH DIJUMPAI KETIKA PEMERINTAHAN KERAJAAN NABATEAN BERTEMPAT DI PETRA, JORDAN YANG DIKENALI SEBAGAI PEMERINTAHAN KAUM NABATU.

KEMUDIAN PADA KURUN YANG KEDUA MASIHI REKOD TELAH MEMBUKTIKAN BAHWA ABJAD NABATEAN TELAH DITULIS DALAM BAHASA ARAMAIK (YANG MANA BAHASA INI MERUPAKAN BAHASA PERDAGANGAN DAN PERHUBUNGAN) YANG DIMASUKKAN BEBERAPA PERKATAAN-PERKATAAN ARAB DI DALAMNYA. PADA HAKIKATNYA ORANG-ORANG NABATEAN TIDAK MENULIS DENGAN MENGGUNAKAN BAHASA YANG MEREKA TUTURKAN BAHKAN MEREKA MENULIS DENGAN MENGGUNAKAN ABJAD ARAMAIK. DI MANA ABJAD-ABJAD INI LAMA KELAMAAN BERKEMBANG. IA BOLEH

DIBAHAGIKAN KEPADA DUA BAHAGIAN IAITU; ABJAD YANG DIGUNAKAN UNTUK TULISAN DI ATAS BATU-BATU BERSURAT MANAKALA BAHAGIAN KEDUA PULA ADALAH UNTUK ABJAD – ABJAD YANG DIGABUNGAN YANG DITULIS DI ATAS KERTAS POPYRUS. TAPI PENULISAN DI ATAS BATU LEBIH BERPENGARUH DAN MENINGGALKAN KESAN KERANA SELAMAT DARI ANCAMAN KEMUSNAHAN ALAM SEMULAJADI. LAMA-KELAMAAN ABJAD-ABJAD DARI TULISAN-TULISAN DENGAN MELALUI BEBERAPA PROSES BERPERINGKAT TELAH BERTUKAR MENJADI ABJAD-ABJAD ARAB.

REKOD TERAWAL YANG MELAPORKAN TENTANG ABJAD-ABJAD ARAB INI BERTARIKH 512 MASEHI. VERSI BAHASA ARAB TERDAPAT 22 ABJADYANG MEMPUNYAI 15 ABJAD YANG BERBEZA DI MANA ABJAD-ABJAD INI MEMPUNYAI 28 JENIS SEBUTAN YANG BERBEZA.

DARI SUDUT BENTUK PENULISAN ARAB INI TERDAPAT 17 BENTUK YANG BERBEZA. INI DISEBABKAN (ب, ت, ث, ن DAN KADANG-KADANG ي), MEWAKILI BENTUK YANG SAMA TAPI 5 SEBUTAN DAN BUNYIAN YANG BERLAINAN. BEGITU JUGA (ج, ح DAN خ), JUGA TIGA BENTUK YANG SAMA TAPI MEMPUNYAI 3 BUNYI YANG BERLAINAN.

PENULISAN ARAB YANG LENGKAP HANYALAH MUNCUL PADA KURUN YANG KE 7 MASIHI APABILA PENULISAN AL-QURAN DIKIRA SEBAGAI PERKARA YANG AMAT SERIUS PADA KETIKA ITU. YANG MANA PENULISAN ARAB PADA KETIKA ITU TIDAK MEMPUNYAI TITIK SEPERTI SEKARANG INI BUKTINYA SURAT UTUSAN RASULULLAH KE LUAR NEGARA TERMASUK ROM DAN HABSYAH TIDAK MEMPUNYAI TITIK UNTUK MEMBEZAKAN HURUF-HURUF. ADAPUN ABJAD-ABJAD NABATEAN DAN SYRIA SUDAH PUN MENGGUNAKAN TITIK-TITIK TERSEBUT

CONTOH PENULISAN RASULULLAH  
KE ROM DAN HABSYAH

BERTUJUAN UNTUK MEMBEZAKAN ANTARA HURUF-HURUFNYA. OLEH ITU BOLEH DIKATAKAN SISTEM TITIK YANG DITAMBAH KE DALAM ABJAD ARAB UNTUK MEMBEZAKAN PERBEZAAN BUNYI YANG MEMPUNYAI 28 BUNYI KESEMUANYA.

KITA DAPATI DOKUMEN YANG TERAWAL MENGGUNAKAN TITIK DALAM PENULISAN ARAB ADALAH DI ATAS KERTAS POPYRUS [PERF 558] YANG BERTARIKH APRIL 643. INI KERANA QURAN PADA AWALNYA DIHAFAL SECARA PRAKTIKALNYA.

NAMUN BEGITU PENULISAN ABJAD-ABJAD ARAB INI MASIH LAGI TIDAK JELAS TERUTAMA BAGI MAREKA YANG BUKAN BERBANGSA ARAB, DISEBABKAN ITU BANYAK TERDAPAT KESALAHAN-KESALAHAN BERBAHASA DI KALANGAN BANGSA ARAB SENDIRI KERANA MEREKA INI HIDUP DAN BERGAUL

VISUAL KERTAS POPYRUS [PERF 558] YANG BERTARIKH APRIL 643.

DENGAN BANGSA BUKAN ARAB TERUTAMANYA MEREKA YANG DI BANDAR-BANDAR SEPerti BAGHDAD BANYAK TERPENGARUH DENGAN ORANG AJAM. JUSTERU ITU SEBAGAI LANGKAH BIJAK UNTUK MEGELAKKAN SALAH MEMBACA QURAN DAN BERTUTUR DALAM BAHASA ARAB MAKA ABU ASWAD AD-DUALI DAN ANAK-ANAK MURID BELIAU TELAH MENCIPTA TITIK IRAB UNTUK MEMBEZAKAN BACAAN TULISAN ITU SAMADA BUNYI DIHADAPAN ُ, DI ATAS َ, DI BAWAH ِ, SUKUN ْ, TASHDID ّ DAN TANWIN DI ATAS ً, DI BAWAH ٍ, DI HADAPAN ٌ.

DI SINI TERDAPAT BEBERAPA CONTOH ABJAD-ABJAD ARAB DAN NABATEAN DALAM BATU BERSURAT YANG MENYERUPAI

VISUAL BACAAN TULISAN ITU SAMADA BUNYI DIHADAPAN ُ, DI ATAS َ, DI BAWAH ِ, SUKUN ْ, TASHDID ّ DAN TANWIN DI ATAS ً, DI BAWAH ٍ, DI HADAPAN ٌ.

VISUAL BATU BERSURAT INI.

TULISAN ARAB ANATARANYA;

1) AL-HASA YANG DIJUMPAI  
NAJD BERHAMPIRAN  
KAWASAN SEJARAH DI  
BAHRAIN, YANG BERTARIKH  
4<sup>TH</sup> SEBELUM MASEHI.  
ABJADNYA DALAM ABJAD  
EPIGRAPHIC ARAB SELATAN.

2) QARYAT AL-FAW YANG  
DIJUMPAI DI WADI AD-  
DAWASIR, NAJD YANG  
BERTARIKH PADA 1<sup>ST</sup>  
SEBELUM MASIHI.  
MEMPUNYAI 10 LINES YANG  
DITULIS DALAM BAHASA  
ARAB JUGA DALAM ABJAD  
EPIGRAPHIC ARAB SELATAN.

3) EIN AVDAT YANG DIJUMPAI  
DI NEGEV, ISRAEL YANG  
BERTARIKH DI ANTARA 88  
SEHINGGA 150 MASIHI.  
MEMPUNYAI 3 LINE YANG  
DITULIS DALAM ARAMAIC  
DAN 3 LINE DALAM ARABIC.  
PENULISAN DALAM ABJAD  
NABATEAN YANG  
DIGABUNGAN

VISUAL BATU  
BERSURAT INI.

VISUAL BATU  
BERSURAT INI.

VISUAL BATU  
BERSURAT INI.



SEBAHAGIANNYA.

4) UMM EL JAMAL, DIJUMPAI DI UTARA JORDAN, BERTARIKH DARI 3 MASEHI SEHINGGA 5 MASIHI. TERTULIS PADANYA DENGAN MENGGUNAKAN ABJAD ARAMAİK, NABATEAN, GREEK DAN LATIN. MANAKALA TULISAN NABATEAN KEBANYAKKAN DIGABUNGGAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

VISUAL BATU BERSURAT INI.

5) KEMUDIAN BATU BERSURAT YAG DINAMAKAN RAQUSH YANG DIJUMPAI DI MADAIN SALEH DI SAUDI YANG BERTARIKH 267 MASEHI, YANG MANA PENULISANNYA BERCAAMPUR DI ANTARA ARABIC DAN ARAMAİK SERTA MEMPUNYAI PENULISAN YANG VERTICAL DALAM TULISAN THAMUD. PENULISAN MASIH LAGI DALAM ABJAD NABATEAN YANG DIGABUNG TAPI MEMPUNYAI TITIK.

VISUAL BATU BERSURAT INI.

VISUAL BATU BERSURAT INI.

6) AN-NAMARA, YANG DIJUMPAI

<p>100 KM DARI DAMSYIK. YANG BERTARIKH 328-329 MASIHI. ABJAD INI SERATUS PERATUS DITULIS DALAM BAHASA ARAB NABATEAN YANG DIGABUNGAN SERTA MEMPUNYAI TITIK.</p>	
<p>7) JABAL RAMM PULA ADALAH SEBUAH BATU BERSURAT YANG TELAH DIJUMPAI 50 KM DARI WILAYAH AQABA, JORDAN. YANG BERTARIKH 3 DAN 4 MASIHI. MEMPUNYAI 3 LINE DALAM ABJAD ARAB, MANAKALA 1 LINE CENDERUNG KE ARAH LINE THAMUDIC. JADI TULISANNYA ADALAH ABJAD ARAB YANG MEMPUNYAI TITIK.</p>	<p>VISUAL BATU BERSURAT INI.</p> <p>VISUAL BATU BERSURAT INI.</p>
<p>8) BATU BERSURAT SAKAKAH YANG DITEMUI DI ARAB SAUDI IANYA TANPA TARIKH. ABJADNYA DALAM ABJAD ARAB DAN SEBAHAGIANNYA ABJAD NABATEAN.</p>	<p>VISUAL BATU BERSURAT INI.</p>
<p>9) SELAIN ITU TERDAPAT 2 BATU BERSURAT SAKAKAH</p>	

<p>YANG LAIN DIJUMPAI DI SAUDI YANG BERTARIKH 3 DAN 4 MASIHI YANG DITULIS DALAM TULISAN ARAB.</p>	<p>VISUAL BATU BERSURAT INI.</p>
<p>10)SEKALI LAGI BATU BERSURAT UMMUL EL-JAMMAL DITEMUI DI UTARA JORDAN BERTARIKH 4 DAN 5 MASIHI YANG MENGGUNAKAN ABJAD ARAB KESELURUHANNYA.</p>	<p>VISUAL BATU BERSURAT INI.</p>
<p>11)BATU BERSURAT ZABAD YANG DITEMUI DI ALEPPO SELATAN SYRIA, BERTARIKH 512 MASIHI, YANG DITULIS DALAM ABJAD ARAB, GREEK DAN SYRIA.</p>	<p>VISUAL BATU BERSURAT INI.</p>
<p>12)BATU BERSURAT JABAL USAIS JUGA DIJUMPAI DI SYRIA BERTARIKH 528 DALAM ABJAD DAN BAHASA ARAB KESELURUHANNYA.</p>	<p>VISUAL TULISAN ARAB</p>
<p>13)BATU BERSURAT HARRAN PULA TELAH DIJUMPAI DI LEIJA WILAYAH YANG TERLETAK DI SELATAN DAMSYIK, BERTARIKH 568</p>	<p>VISUAL TULISAN NABATEAN</p>

DALAM ABJAD ARAB DAN GREEK, NAMUN SECARA KESELURUHANNYA IA DIANGGAP BERBAHASA ARAB.

JIKA ABJAD MEMPUNYAI 28 ABJAD, 15 MERUPAKAN ABJAD YANG BERLAINAN BENTUK MANAKALA SELEBIHNYA ADALAH BENTUK YANG SAMA TAPI SEBUTAN SERTA BUNYI YANG BERLAINAN. INI BERBEZA DENGAN ABJAD NABATEAN YANG MEMPUNYAI 22 SEBUTAN ADAN BUNYI YANG BERBEZA. INI BERMAKNA SETIAP BENTUK ABJAD ARAB YANG TELAH DI TULIS MEWAKILI 2 BUNYI YANG BERLAINAN SEBAGAI CONTOH ĩ JUGA MEWAKILI ð DAN î MEWAKILI ï .

INI BERMAKNA TULISAN NABATEAN TELAH DISERAP KE DALAM TULISAN ARAB, SEHINGGAKAN MELAHIRKAN SATU BENTUK TULISAN YANG BESAR APABILA DIGABUNGAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

VISUAL PERBADINGAN TULISAN INI DENGAN ABJAD ROMAN, GREEK DAN LATIN.
